

**HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN
INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL
TERHADAP PENGLIBATAN PELAJAR
MENENGAH DALAM KEGIATAN
KOKURIKULUM**

NORLIZA LENA BINTI AJUH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2014



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TAJUK: **HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN INTERPERSONAL DAN KEMAHIRAN INTRAPERSONAL TERHADAP PENGLIBATAN PELAJAR MENENGAH DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA: **NORLIZA LEWA BINTI AJUH SESI PENGAJIAN: 2013/2014**

Mengaku membenarkan tesis (EPSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan.)

TIDAK TERHAD



(NORLIZA LEWA BINTI AJUH)

Disahkan oleh;

(DR. ROSLEE BIN TALIP)

Alamat: SMK Datuk Panglima Abdullah
Peti Surat 114,
91308 Semporna, Sabah.

Tarikh: 30 Mei 2014

Tarikh:



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Mei 2014

NORLIZA LENA BINTI AJUH

MT 1212 383 T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : NORLIZA LENA BINTI AJUH

NO MATRIK : MT 1212 383 T

**TAJUK : HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN
INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL
TERHADAP PENGLIBATAN PELAJAR MENENGAH
DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM**

**IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TARIKH : MEI, 2014

DISAHKAN OLEH

PENYELIA DISERTASI

TANDATANGAN

DR. ROSLEE BIN TALIP



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran kerana berjaya menyiapkan disertasi ini dengan kekuatan mental dan fizikal yang diberi oleh Allah S.W.T. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Penyelia saya, Dr. Roslee Bin Talip atas segala tunjuk ajar serta bimbingan untuk menyelesaikan kajian ini. Terima kasih atas waktu yang diluangkan dan ilmu yang diberikan. Kepada semua pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS seperti Dr. Abdul Said Ambotang, Dr. Zaki Ishak, Dr. Anuar Din, Dr. Shukri Zain, Dr. Tan Choong Keong, Prof. Madya Dr. Baharom Bin Mohamad dan juga semua staf PLUMS Cawangan Tawau terutama En Kamarul Zaman Ishak kerana telah memberi sumbangan yang amat besar kepada saya untuk menyelesaikan segala tugas yang diberi.

Saya juga mengambil kesempatan untuk berterima kasih yang teramat sangat kepada kedua ibu bapa saya, En. Ajuh Bin Badong dan Pn. Lainah Kutingon atas segala sokongan dan dorongan serta menjadi sumber inspirasi saya. Juga tidak dilupakan kepada kedua mertua saya, Tn Hj. Bayani Bin Jalbi dan Pn Hjh. Tasmi Binti Sahawi atas segala pertolongan dan nasihat yang diberikan. Dan tidak lupa juga jasa suami saya yang tidak boleh saya gambarkan dengan kata-kata, En. Badri Bin Bayani kerana bersama-sama menempuh segala cabaran dan dugaan sepanjang pengajian kita. Terima kasih kerana menjadi sumber inspirasi saya yang paling utama, tanpa abang siapalah saya....

Kepada rakan-rakan seperjuangan Batch MEM Kumpulan 2 sesi 2012/2013, semoga kita dapat menghabiskan perjuangan kita bersama-sama sehingga konvoesyen. Persahabatan yang terjalin antara kita akan saya kenang sampai bila-bila. Kenangan bersama akan saya simpan dalam memori kenangan terindah sepanjang pengajian kita. Insyallah kita akan bertemu lagi di lain masa, ketika dan waktunya.

♥TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PERJALANAN PENGAJIANINI, IKHLAS DARI LUBUK HATI SAYA YANG PALING DALAM. LOVE YOU ALL...♥

ABSTRAK

Peranan kurikulum dalam bidang pendidikan mencakupi pelbagai aspek kepada pelajar seperti memupuk integrasi nasional dalam kalangan pelajar berbilang kaum, membantu perkembangan hidup masyarakat dan pembentukan sahsiah pelajar itu sendiri. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jika terdapat perbezaan yang signifikan penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum berdasarkan jantina dan juga mengkaji korelasi motivasi intrinsik dengan kemahiran intrapersonal dan motivasi ekstrinsik dengan kemahiran interpersonal. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah sekitar Daerah Semporna dan menggunakan sampel kajian seramai 300 orang pelajar. Rekabentuk kajian adalah menggunakan kaedah deskriptif dan kaedah inferensi melalui instrumen kajian berbentuk soal selidik. Data-data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) for windows version 16.0* untuk mencari kekerapan, peratus, min dan analisis ujian-t serta ujian korelasi pearson. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan nilai *Cronbach's Alpha* di mana nilai keseluruhan ialah 0.937. Dapatan yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum berdasarkan jantina. Nilai t bagi hipotesis nul 1 ialah -.526 dan signifikan pada .181, manakala nilai t bagi hipotesis nul 2 ialah -.053 dan signifikan pada .245. Oleh itu, hipotesis nul 1 dan 2 diterima. Namun begitu, terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum masing-masing dengan motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Nilai r bagi hipotesis 3 ialah 0.166 dan signifikan pada 0.04, nilai r bagi hipotesis 4 ialah 0.741 dan signifikan pada 0.00 manakala nilai r bagi hipotesis 5 ialah 0.329 dan signifikan pada 0.00. Oleh itu, hipotesis nul 3, 4 dan 5 ditolak. Beberapa cadangan telah dibuat untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum seperti Pengurusan Unit Kokurikulum, pencapaian akademik pelajar, kemahiran generik dan komitmen guru. Hasil kajian ini harap dapat dijadikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengatasi masalah penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum yang sedang berlaku pada masa kini.

ABSTRACT

RELATIONSHIP BETWEEN INTERPERSONAL AND INTRAPERSONAL SKILLS OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS' PARTICIPATION IN CO-CURRICULAR ACTIVITIES

The role of curriculum in education field to the students cover various aspects such as fostering national integration among students of all races, helping the development of society and the formation of students' character itself. Accordingly, researchers have conducted studies on the relationship between interpersonal and intrapersonal skills of secondary students' participation in co-curricular activities . The purpose of this study is to identify if there were significant differences involvement in co-curricular secondary students based on their gender and to study the correlation of intrinsic motivation and extrinsic motivation of intrapersonal skills and interpersonal skills respectively. The study was conducted in three secondary schools in the Semporna district and using a sample of 300 students . The research design using descriptive and inferential methods through a questionnaire survey instrument . The data collected were analyzed using the Statistical Package For Social Science (SPSS) version 16.0 for windows to find the frequency, percentage, mean and t-test analysis and Pearson correlation test. Reliability of the questionnaire was tested with Cronbach 's Alpha in which the total value is 0.937 . The results showed no significant differences in interpersonal and intrapersonal skills of secondary students' participation in co-curricular activities based on gender. Tvalue for null hypothesis 1 is -.526 and significant at .181, meanwhile t value for null hypothesis 2 is -.053 and significant at .245. So, null hypothesis 1 and 2 were accepted. However, there is a significant relationship between interpersonal and intrapersonal skills of secondary students' participation in co-curricular activities each with extrinsic motivation and intrinsic motivation. R value for null hypothesis 3 is 0.166 and significant at 0.04, r value for hypothesis 4 is 0.741 and significant at 0.00 and r value for null hypothesis 5 is 0.329 and significant at 0.00. So, null hypothesis 3, 4 and 5 were accepted. Several proposals have been made to find out more about the factors that hinder the involvement of secondary students in co-curricular activities such as Management Unit Curriculum, academic achievement, generic skills and commitment of teachers. The results of this study hope to serve as a guide to the Ministry of Education to address the problem of secondary school students' participation in co-curricular activities that are happening right now.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
1.0 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Skop Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	17
1.11 Definisi Operasional Kajian	18
1.12 Kerangka Konseptual Kajian	19

2.0	Tinjauan Literatur	
2.1	Pengenalan	22
2.2	Literatur Berkaitan Konsep, Teori dan Model	22
2.2.1	Definisi Konsep	23
2.2.2	Teori Kajian	26
2.2.3	Model Kajian	38
2.3	Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara	45
2.3.1	Kajian Lepas Dalam Negara	45
2.3.2	Kajian Lepas Luar Negara	52
2.4	Rumusan	54
3.0	Metodologi Kajian	
3.1	Pengenalan	56
3.2	Rekabentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	60
3.4	Tempat Kajian	62
3.5	Instrumen Kajian	62
3.6	Kajian Rintis	66
3.7	Pembolehubah Kajian	68
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	69
3.9	Tatacara Penganalisan Data	73
3.10	Rumusan	76
4.0	Analisis dan Keputusan Ujian	
4.1	Pengenalan	77
4.2	Profil Responden	77
4.2.1	Analisis Deskriptif Responden	
Mengikut Jantina		77

4.2.2 Analisis Deskriptif Responden Mengikut	
Jumlah Penglibatan Unit Kokurikulum	78
4.2.3 Analisis Deskriptif Responden Mengikut	
Pekerjaan Ibu Bapa	79
4.2.4 Analisis Deskriptif Responden Mengikut	
Kekerapan Penglibatan Kokurikulum	79
4.2.5 Analisis Deskriptif Responden Mengikut	
Jarak Dari Rumah ke Sekolah	80
4.3 Analisis Ujian Kebolehpercayaan	81
4.4 Analisis Inferensi	82
 4.4.1 Analisis Inferensi Perbezaan Antara Kemahiran	
Interpersonal Terhadap Penglibatan Pelajar	
Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum	
Berdasarkan Jantina	83
 4.4.2 Analisis Inferensi Perbezaan Antara Kemahiran	
Intrapersonal Terhadap Penglibatan Pelajar	
Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum	
Berdasarkan Jantina	83
 4.4.3 Analisis Inferensi Hubungan Antara Kemahiran	
Interpersonal Terhadap Penglibatan Pelajar	
Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum	
Dengan Motivasi Ekstrinsik	84
 4.4.4 Analisis Inferensi Hubungan Antara Kemahiran	
Intrapersonal Terhadap Penglibatan Pelajar	
Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum	
Dengan Motivasi Intrinsik	85

4.4.5 Analisis Inferensi Hubungan Kemahiran Interpersonal Dan Intrapersonal Terhadap Penglibatan Pelajar Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum	86
4.4.6 Analisis Pengujian Hipotesis	87
4.5 Rumusan	89
5.0 Rumusan, Perbincangan dan Cadangan	
5.1 Pengenalan	90
5.2 Rumusan	90
5.3 Perbincangan	91
5.3.1 Perbezaan Kemahiran Interpersonal Terhadap Penglibatan Pelajar Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum Berdasarkan Jantina	91
5.3.2 Perbezaan Kemahiran Intrapersonal Terhadap Penglibatan Pelajar Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum Berdasarkan Jantina	94
5.3.3 Hubungan Antara Kemahiran Intrapersonal Terhadap Penglibatan Pelajar Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Motivasi Intrinsik	96
5.3.4 Hubungan Antara Kemahiran Interpersonal Terhadap Penglibatan Pelajar Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Motivasi Ekstrinsik	98

5.3.5 Hubungan Antara Kemahiran Interpersonal Dan Intrapersonal Terhadap Penglibatan Pelajar Menengah Dalam Kegiatan Kokurikulum	100
5.4 Implikasi Kajian	101
5.5 Cadangan	103
5.6 Rumusan	105
BIBLIOGRAFI	107

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	Set Soal Selidik	114
LAMPIRAN 2	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	120

SENARAI JADUAL

NOMBOR JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Purata Kehadiran Kokurikulum Pelajar SMK Kamunting, Perak mengikut unit Kokurikulum Tahun 2006	6
3.1	Taburan Sampel Bagi Setiap Sekolah	62
3.2	Taburan Soal selidik	63
3.3	Skala Likert 5 Mata	65
3.4	Pembahagian item mengenai hubungan kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kokurikulum	65
3.5	Jadual Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Kajian	68
3.6	Jadual Proses Penyempurnaan Tajuk Kajian	70
3.7	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	74
3.8	Alat Analisis Data	75
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina (n=300)	78
4.2	Taburan Responden Mengikut Jumlah Penglibatan Unit Kokurikulum (n=300)	78
4.3	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa (n=300)	79
4.4	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Penglibatan Kokurikulum (n=300)	80
4.5	Taburan Responden Mengikut Jarak Dari Rumah ke Sekolah (n=300)	81
4.6	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha)	82
4.7	Keputusan Ujian-t bagi kemahiran interpersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kokurikulum berdasarkan jantina (n= 300)	83

4.8	Keputusan Ujian-t bagi kemahiran intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum berdasarkan jantina (n= 300)	84
4.9	Keputusan Ujian Kolerasi Pearson hubungan antara kemahiran interpersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum dengan motivasi ekstrinsik (n= 300)	85
4.10	Keputusan Ujian Kolerasi Pearson hubungan antara kemahiran intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum dengan motivasi intrinsik (n= 300)	86
4.11	Keputusan Ujian Kolerasi Pearson hubungan antara kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kurikulum (n= 300)	87
4.12	Analisis Pengujian Hipotesis	88

SENARAI RAJAH

NOMBOR RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1	Teori Atribusi Motivasi Intrapersonal	31
2.2	Teori Atribusi Motivasi Interpersonal	33
2.3	Model Motivasi Pencapaian	36
2.4	Formula Teori Jangkaan	37
2.5	Model Kekangan Kesenggangan oleh Crawford, Jackson dan Godbey (1991)	39
2.6	Model Pendekatan Komprehensif oleh Kay Gordon Daigle	41
2.7	Model Hierarki Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik	43
3.1	Carta Alir Rekabentuk Kajian	58
3.2	Rumusan Penentuan Saiz Sampel	61
3.3	Pemboleh ubah kajian	69
3.4	Prosedur Pelaksanaan Kajian	71

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kokurikulum merupakan unit yang penting dalam institusi sekolah kerana ia adalah kegiatan luar bilik darjah untuk pelajar mengembangkan bakat, minat, nilai, kepimpinan dan sosial. Pendapat ini disokong oleh Mohd Sofian *et al.*, (2002) di mana kokurikulum adalah pelengkap bagi kurikulum kerana ia menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Menurut Ahmad *et al.*, (2004), peranan kokurikulum mencakupi pelbagai aspek kepada pelajar seperti memupuk integrasi nasional dalam kalangan pelajar berbilang kaum, membantu perkembangan hidup masyarakat dan pembentukan sahsiah pelajar itu sendiri. Melalui kegiatan kokurikulum, pelajar sebenarnya mempelajari pelbagai kemahiran yang sangat berguna kepada mereka untuk diaplikasikan ke dalam bidang yang bakal mereka ceburi apabila mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pendapat ini disokong oleh Nor Suhara (2010) di mana kandungan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan matlamat utama kegiatan kokurikulum adalah untuk menyeimbangkan pelajar dari segi perkembangan rohani, jasmani, intelek dan emosi, mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan pelajar, membina dan meningkatkan minat, bakat, disiplin diri, kerjasama dan mewujudkan budaya sekolah yang sihat.



Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sangat dititikberatkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di mana pelajar wajib untuk menyertai kelab dan unit beruniform di sekolah. Malah kementerian telah mewujudkan dasar 1Murid 1Sukan di mana ia memupuk pelajar yang pasif untuk menyertai kegiatan kokurikulum tersebut. Menurut Yusnizam (2008) melalui Nor Suhara (2010), penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan pelajar. Harapan KPM melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti luar bilik darjah ini ialah untuk melahirkan generasi negara yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibah dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu. Pendapat ini disokong oleh Nor Suhara (2010) di mana kokurikulum ini memberi kesan positif kepada pelajar seperti membentuk keupayaan diri, memberi aspirasi pendidikan dan mengurangkan masalah keciran kerana semua pelajar dilibatkan ke dalam kegiatan sihat ini.

Namun begitu, penglibatan pelajar dalam kegiatan ini masih kurang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang menghalang mereka untuk menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Menurut Crawford (1987) melalui Mohd Jaflus (2008), faktor yang menghalang penglibatan pelajar ialah faktor interpersonal dan intrapersonal. Faktor interpersonal melibatkan interaksi antara individu seperti pelajar sukar untuk membina hubungan dengan rakan semasa kegiatan kokurikulum dijalankan di sekolah. Faktor intrapersonal pula melibatkan keadaan psikologi pelajar yang menghalang mereka daripada melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum seperti tekanan, keimbangan, budaya, sikap, keagamaan, kemampuan dan kemahiran diri mereka. Menurut Chin *et al.*, (2005), kokurikulum banyak memberi manfaat kepada pelajar kerana ia merupakan saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti pelajar yang mana ia melibatkan kemahiran intrapersonal. Nor Suhara (2010) pula menyatakan bahawa fungsi kokurikulum ialah untuk membina kemahiran bersosial dan memperkuatkan interaksi antara murid di mana ia melibatkan kemahiran interpersonal pelajar. Hal ini disokong oleh Hanisah (2006) di mana beliau

menyatakan bahawa kepentingan kegiatan kurikulum dalam kemahiran interpersonal dan intrapersonal ialah menyediakan pelajar ke alam pekerjaan, memberi khidmat kepada orang lain dan mempertingkatkan moral mereka. Pengalaman yang diperolehi daripada kegiatan sebegini menyediakan pelajar untuk melangkah dari alam persekolahan kepada kehidupan masyarakat yang memberi faedah kepada mereka apabila dewasa kelak.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kemahiran interpersonal dan intrapersonal menjadi asas kepada matlamat utama kurikulum dijalankan. Hal ini kerana kemahiran interpersonal melibatkan kemahiran luaran seseorang pelajar itu seperti kemahiran komunikasi, bersosial dan kepimpinan sama ada dengan rakan sebaya atau pun guru-guru. Manakala kemahiran intrapersonal pula melibatkan keadaan psikologi pelajar yang menghalang mereka daripada terlibat dengan kegiatan kurikulum seperti keimbangan, tekanan, sikap dan kemahiran yang dipunyai dalam diri mereka.

Motivasi intrinsik berkait rapat dengan kemahiran interpersonal yang mana melibatkan aspek sikap, kemahiran, minat, kecergasan dan keseronokan. Manakala kemahiran interpersonal pula berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik yang melibatkan aspek populariti, mobiliti sosial, kepujian, dorongan dan ganjaran. Kajian Azizan (2007) menyatakan pelajar sekarang memerlukan hadiah atau ganjaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. Hal ini mengakibatkan keseronokan melakukan aktiviti ini akan hilang kerana mereka terpaksa bersaing untuk merebut ganjaran. Apabila keseronokan hilang, maka mereka akan menjadi tidak berminat untuk meneruskan penglibatan mereka dalam aktiviti ini. Keseronokan merupakan salah satu motivasi intrinsik yang diperlukan dalam menyertai kegiatan kurikulum, manakala ganjaran atau hadiah pula termasuk dalam motivasi ekstrinsik. Menurut Harter (1982) melalui Mohad Anizu

dan Siti Salwa (2009), motivasi intrinsik adalah penggerak dalam diri seseorang untuk melakukan aktiviti bagi kepentingan dan ganjaran diri sendiri. Motivasi ini mempengaruhi pelajar dalam menyertai kegiatan kurikulum kerana mereka perlu tahu kepentingan dan faedah yang mereka akan dapat melalui penglibatan mereka.

Menurut Mohd Jaflus (2008), ramai dalam kalangan pelajar tidak hadir semasa kegiatan kurikulum dijalankan kerana mereka lebih mementingkan kurikulum berbanding kegiatan kurikulum. Menurut Mustafa Kamal (2000), ibu bapa kurang mendorong anak-anak mereka dalam kegiatan kurikulum malah terdapat sekolah yang tidak memberi kemudahan atau peralatan yang mencukupi untuk melakukan aktiviti sukan. Ibu bapa dan pihak sekolah perlu sedar kepentingan kegiatan kurikulum ini kerana ia adalah medium untuk pelajar mempelajari pelbagai pengetahuan dan pengalaman berkenaan kemampuan diri mereka. Hal ini disokong oleh Maizah (2001) di mana beliau menyatakan kegiatan kurikulum ini mampu membentuk sahsiah diri pelajar seperti menghormati orang lain dan semangat berpasukan dengan rakan sekumpulan. Chin *et al.*, (2005) juga menyatakan kurikulum merupakan saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti pelajar.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum amat penting kerana KPM telah menyediakan pelbagai aktiviti sukan dan program yang membina untuk menghasilkan pelajar yang berketrampilan. Pendapat ini disokong oleh Che Aziz (2002) iaitu KPM telah mengeluarkan dana yang cukup besar sebagai usaha untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, sosial, rohani dan jasmani melalui kegiatan kurikulum. Pelbagai kemahiran yang mereka boleh pelajari melalui kegiatan kurikulum ini seperti kemahiran interpersonal yang merangkumi kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga boleh menangani kemahiran intrapersonal yang terdapat di dalam diri pelajar seperti ketrampilan diri.

Menurut pandangan Sharifah Mariam (2007), pelajar boleh membantu antara satu sama lain menerusi kegiatan kurikulum dan mereka boleh bergaul dalam pelbagai lapisan bangsa. Hal ini mewujudkan semangat berpasukan dalam kalangan pelajar melalui pembahagian tugas dan menyiapkan tugas dengan lebih cepat di samping dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar berbilang bangsa. Pendapat ini disokong melalui kajian Anizah (2002) bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum mampu menjana semangat berpasukan. Pelajar perlu didedahkan dengan lebih lanjut mengenai faedah melibatkan diri dalam kegiatan kurikulum kerana kebanyakan pelajar tidak menyedari kepentingan kegiatan sihat ini. Mereka beranggapan bahawa kegiatan ini tidak penting dan membuang masa sebaliknya mereka lebih memfokuskan kepada akademik sahaja. Pendapat ini disokong oleh Adnan (1990) melalui Mohd Jaflus (2008) di mana pelajar tidak memahami konsep sebenar kegiatan kurikulum dan mereka memberi keutamaan kepada bidang akademik sahaja. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru sebagai pelaksana kepada kegiatan kurikulum ini untuk memupuk minat pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kurikulum dan memastikan mereka boleh menguasai kemahiran interpersonal dan intrapersonal.

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum adalah aktiviti dan pengalaman yang dijalankan oleh pelajar di luar bilik darjah. Kajian ini mengkaji mengenai kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum. Menurut Crawford *et al.*, (1987) melalui Jaflus (2008) menyatakan terdapat tiga halangan yang menyebabkan pelajar kurang berminat melibatkan diri dalam kegiatan ini seperti struktur, kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Hal ini menyebabkan pengkaji ingin meninjau lebih mendalam mengenai kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum.

Menurut Aminuddin (2004), kegiatan kokurikulum membolehkan pelajar mendapat pengalaman pembelajaran luar bilik darjah dan mempelajari aspek seperti nilai, bakat, kepimpinan dan sosial. Namun begitu, pelaksanaan kokurikulum masih kurang mendapat sambutan daripada pelajar disebabkan oleh diri pelajar itu sendiri kerana pendedahan yang kurang terhadap faedah melibatkan diri dalam kegiatan ini. Pendapat ini disokong oleh Lim (1991) di mana terdapat pelajar yang tidak mempunyai semangat kesukaran kerana beranggapan akademik lebih penting dalam menjamin masa depan yang cemerlang.

Kajian yang dijalankan oleh Ravichanthiran (2007) menunjukkan kehadiran pelajar di SMK Kamunting, Perak dalam kegiatan kokurikulum kurang memuaskan berdasarkan statistik pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Purata Kehadiran Kokurikulum Pelajar SMK Kamunting, Perak mengikut unit Kokurikulum Tahun 2006

Unit Kokurikulum	2006
Sukan / Permainan	47.6%
Kelab / Persatuan	40.4%
Unit Beruniform	71.4%

Sumber: Ravichanthiran (2007)

Berdasarkan Jadual 1.1, Kelab / Persatuan dan Unit Beruniform diadakan pada hari Sabtu manakala Sukan / Permainan diadakan pada hari Rabu. Walaupun Sukan / Permainan diadakan pada hari Rabu, namun kehadiran pelajar dalam kegiatan kokurikulum amat kurang memuaskan. Pelajar yang hadir adalah dalam kalangan pasukan sekolah untuk latihan permainan tersebut. Begitu juga dengan kehadiran untuk kelab/persatuan yang kurang memuaskan secara keseluruhannya. Kadang-

kadang cuma guru penasihat dan ahli jawatan kuasa sahaja yang hadir. Menurut RaviChanthiran (2007), hal ini menyebabkan aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Dalam keadaan ini bukan sahaja guru penasihat tertekan tetapi ahli-ahli yang hadir kecewa dan hampa kerana tidak dapat menjalankan aktiviti persatuan. Lama kelamaan situasi begini boleh melumpuhkan perjalanan aktiviti kokurikulum di sekolah. Justeru itu, perlu satu kajian yang sistematik untuk mengenal pasti sebab-sebab ketidakhadiran pelajar untuk kegiatan kokurikulum dan merangka satu program berdasarkan maklum balas dari soal selidik untuk menarik minat pelajar supaya hadir dan mengambil bahagian yang aktif dalam kegiatan ini.

Kajian Rundsell *et al.*, (2003) menyatakan terdapat tiga faktor utamakekangan kepada jantina perempuan dalam kegiatan fizikal yang juga boleh dikategorikan dalam kegiatan kokurikulum iaitu faktor persekitaran, sosiologi dan psikologi. Ketiga-tiga faktor ini banyak dikaji oleh pengkaji untuk mengkaji faktorkekangan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ini. Menurut Mohd Jaflus (2008), kurangnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum melibatkan jantina disebabkan oleh pelajar perempuan terpaksa menolong ibu bapa mereka di rumah manakala pelajar lelaki pula terpaksa membuat kerja sampingan untuk mendapatkan wang saku. Jamili (2009) menyatakan perbandingan di antara penyertaan lelaki dan perempuan dalam kegiatan kokurikulum ini ialah lelaki dikatakan lebih cenderung dan kuat berbanding perempuan. Beberapa aspek diambil kira dalam menentukan perbandingan ini iaitu dari segi keyakinan, keimbangan dan motivasi. Pemerhatian dijalankan terhadap tingkah laku dan mendapati bahawa aspek yang dikaji lebih dipelopori oleh kaum lelaki berbanding perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa faktor jantina juga mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Masing-masing mempunyai alasan tersendiri untuk kurang terlibat dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.

Kemahiran intrapersonal dan interpersonal berdasarkan jantina di mana pelajar perempuan kurang pendedahan terhadap kemahiran intrapersonal berbanding lelaki melibatkan aspek psikologi seperti bimbang, kurang yakin, kurang selesa dan merasa takut melibatkan diri dalam aktiviti fizikal akan dikaji ke dalam kajian ini. Manakala kemahiran interpersonal melibatkan aspek sosiologi dan persekitaran seperti kurang sokongan positif dan membina, masalah pakaian, larangan agama dan beranggapan akademik lebih penting berbanding kegiatan kokurikulum juga akan dikaji ke dalam kajian ini. Semua pihak harus sedar termasuklah ibu bapa, rakan dan pelajar itu sendiri betapa pentingnya kegiatan kokurikulum ini dijalankan di sekolah kerana kegiatan ini menyediakan pelajar untuk mempunyai pengalaman yang berguna apabila mereka melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan berada di alam pekerjaan kelak.

Singer (1984) dalam Mohad Anizu dan Siti Salwa (2009) pula menyatakan motivasi ekstrinsik ini datang daripada faktor luaran seperti pemberian ganjaran, hadiah, hukuman, ugutan, arahan, penghargaan dan pengiktirafan. Menurut Azran Effendy (2007), motivasi ekstrinsik seperti sokongan ibu bapa juga mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum kerana terdapat ibu bapa yang melarang anak mereka terlibat dalam kegiatan ini kerana lebih mementingkan pelajaran mereka. Motivasi ini mempengaruhi penglibatan pelajar kerana sokongan dan peneguhan positif boleh meningkatkan penyertaan aktif pelajar dalam kokurikulum dan sebaliknya. Kenyataan ini disokong oleh Azizan (2007) iaitu ekstrinsik ini mewujudkan keinginan peribadi yang positif atau negatif.

Namun begitu, sejauh mana hubungan kedua motivasi ini dengan kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum akan dikaji lebih lanjut. Diharap agar kajian ini dapat membantu pihak sekolah menengah untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum serta boleh menerapkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik kepada pelajar

agar mereka lebih berminat dan termotivasi untuk mengaktifkan diri dalam kegiatan ini. Kajian ini akan melihat sejauh mana hubungan kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum dan mengaitkan kajian ini dengan aspek jantina, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jika terdapat perbezaan yang signifikan penglibatan pelajar menengah dalam kegiatan kurikulum berdasarkan jantina. Kajian ini juga mengkaji korelasi motivasi intrinsik dengan kemahiran intrapersonal dan motivasi ekstrinsik dengan kemahiran interpersonal. Kajian ini mengkaji kaitan dengan jantina kerana terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa pelajar lelaki lebih mendominasikan kegiatan kurikulum berbanding pelajar perempuan. Hal ini dinyatakan dalam kajian Jamili (2009) iaitu lelaki lebih cenderung dalam kegiatan sukan berbanding perempuan disebabkan beberapa faktor iaitu fizikal, fisiologi dan kecergasan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana kesihihan penglibatan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan dalam kegiatan kurikulum.

BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Bin Mohd Hussain. 2007. *Kedudukan Kokurikulum di Sekolah: Persepsi Guru dan Pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adibah Abdul Latif & Siti Khairun Nisa Binti Aman. 2003. *Pelaksanaan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Bin Esa, Jailani Bin Mat Yusuf & Noraini Binti Kaprawi. 2004. *Peranan Kokurikulum Dalam Pembangunan Generik*. KUITTHO
- Ahmad Esa. 2005. *Perkasakan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aminudin Bin Abdul Rahman. 2004. *Penglibatan Pelajar Secara Aktif dalam Kegiatan Kokurikulum dan Kesan ke Atas Pencapaian Akademik: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. 1996. *Introduction To Research In Education* 5th ed. New York: Harcourt Brace.
- Atkinson, J. W. 1964. *An Introduction to Motivation*. Van Nostrand, Princeton: NJ.
- Azizan Bin Abd Wahab. 2007. *Faktor Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Serta Hubungannya Dengan Minat Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mergong Untuk Melibatkan Diri Dalam Sukan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azizi Hj Yahya & Yusof Abdul. 2007. *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkah laku Pelajar*. UTM
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. 2007. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.

Azizi Yahaya. 2007. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Azran Effendy Bin Haju Saad. 2007. *Kajian Kes Penglibatan Murid-murid Tahap Dua (Tahun 4,5 dan 6) Sekolah Kebangsaan yang Terpilih di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah Darul Aman dalam Aktiviti Kokurikulum dan Aktiviti Sukan*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Sains Sukan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Baker, T. L. 1994. *Doing Social Research*. 2nd Edition. New York: Mc Graw-Hill Inc.

Bernard Weiner. 2000. *Intrapersonal and Interpersonal Theories of Motivation From an Attributional Perspective*. Plenum Publishing Cooperation

Bertram F. Melle. 2003. *Attributional as Behaviour Explanations: Toward a New Theory*. University of Oregon

Broh, B. A. 2002. *Linking extracurricular programming to academic achievement: Who benefits and why?* Sociology of Education. Page 75, 69-96.

Celine M. Blanchard, Lisa Mask, Robert J. Vallerand. 2007. *Reciprocal Relationships Between Contextual and Situational Motivation In A Sport Setting*. Canada: University of Ottawa. Psychology of Sport and Exercise. 8: 854-873

Chan Siok Gim & Rodziah Mohammad Nor. 2012. *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Perilaku dan Prestasi Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Bachok Kelantan*. Akademia 82(2): 109-118

Chin Pek Lian, Low Li Chuen dan Vivian Low Yen Yeong. 2005. *Masalah Disiplin Pelajar, Pendekatan Dan Penyelesaian*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku*. Edisi ke 2. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

Crawford W. D., Jackson E.L., & Godbey G. 1991. *A Hierarchical Model of Leisure Constraints*. Journal of Leisure Sciences. 13(4): 309-320.

Darling, N., Caldwell, L. L., & Smith, R. 2005. *Participation in school-based Extracurricular activities and adolescent adjustment*. Journal of Leisure Research. Page 37, 51-77.

Erwei Dong & Garry Chick. 2012. *Culture Constraints on Leisure Through Cross-Cultural Research*. Pennsylvania State University

Erwei Dong & Garry Chick. 2012. *Leisure Constraints in Six Cities*. An Interdisciplinary Journal. 34 (5): 417-435

Florence Fletcher. 2007. *Hubungan Tahap Kecerdasan Emosi Dengan Tahap Kepuasan Kerja Dan Tahap Komitmen Kerja Di Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah Di Bandaraya Kuching, Sarawak*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia

Gardner, H. 1983. *Frames of mind: Theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books Inc.

Hassan Adnan, Raja Roslan Raja Abd. Rahman. 2010. *Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 3(2). ISSN: 1985-7012

Heider, F. 1958. *The Psychology Of Interpersonal Relations*. New York: Wiley.

Ikhsan Othman & Rohizani Yaakub. 2010. *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pelaksanaan Kurikulum*. Asia Pasific Journal of Educators and Education. Vol 25: 21-32

Jailani Md Yunos. 2004. Peningkatan Kemahiran Bakal Pensyarah Politeknik Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum. Jurnal Sains Sosial.

Jamili. 2009. Gender Dalam Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Diambil dalam <http://www.wacanajamili.blogspot.com> pada 14 Disember 2013

Johari Hassan & Sutinah A. Safar . 2009. *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia

Kay Gordon Diagle. 2003. *Gender Differences in Participation of Physical Activities: A Comprehensive Model Approach*. PhD Dissertation. Louisiana State University

- Keith Brown. 2010. *Curriculum for Excellence Through Outdoor Learning*. Learning and Teaching Development Centre. Scotland. ISBN 978-184399-180-9
- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. 1970. *Determining sample for research Activities*. Educational and Psychological Measurement. 30: 607-610.
- Kumar, A. 2004. *Status of Co-Curricular and Extra-Curricular Activities in Primary Schools of Nepal: Problems and Prospects*. Research Centre for Educational Innovation and Development Tribhuvan. University Balkhu, Kathmandu, Nepal.
- Lai Wing Wai. 2004. *Tinjauan ke atas Kekangan Aktiviti Kesenggangan di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Marie Paz H. Angeles. 2012. *Teaching Efficacy, Interpersonal, Intrapersonal Skills and Teaching Performance in The Tertiary School*. IAMURE International Journal of Science Social. Volume 2. Tarlac State University of Philippines.
- Marsh, H. W., and Kleitman. S. 2002. *Extracurricular School Activities: The Good, the Bad, and the Nonlinear*. Harvard Educational Review. Vol 72 (4): Page 464-511.
- Mohad Anizu Mohd Noor & Siti Salwa Mohamed. 2009. *Faktor di Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik ke atas Penglibatan Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar: Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Zaid Mustafa, Ali Suradin, Badaruddin Ibrahim, Sufian Mastor, Kahirol Mohd Salleh, Ahmad Rizal Madar dan Nor Lisa Sulaiman. 2008. *Penguasaan Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008. Pada 22-23 Oktober 2008. Universiti Teknologi Malaysia
- Mohammed Ehsani. 2002. *Frequency of Participation and Leisure Constraint Factors on the Recreational Sporting Activities of Iranian Student*. Tehran, Iran: Tarbiat Modarres University.
- Mohanaraju Annamalai & Ahmad Tajuddin Othman. 2012. *Pengaruh Sokongan Keluarga Dalam Penglibatan Kokurikulum Sekolah Terhadap Pencapaian Insaniah Murid*. Universiti Sains Malaysia.

- Mohd Azhar Abd Hamid. 2004 . *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Jaflus Bahari. 2008. *Faktor-faktor yang Menghalang Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Seremban*. Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Maktab Perguruan Islam
- Mohd Nor Bin Jaafar & Kung Teik Seng. 2009. *Pengurusan Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof & Borhan Yusof. 2002. *Kokurikulum, Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Jurnal yang tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Najib Bin Abdul Ghafar & Jamaliah Jalaludin. 2000. *Komitmen Guru-Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Negeri Johor*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Akbar Zahidi, Syed kamaruzaman Syed Ali, & Habib Mat Som. 2012. *Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia*. Dlm. Sharifah Norul Akma Syed Zambri. Amalan dalam Pendidikan Jasman. Kuala Lumpur: Pearson. Satu Refleksi. Hlm. 33-69.
- Muhammad Baniyal, Tahir Nawaz, Ali Hassan & Iqra Mubeen. 2012. *The Effect of Co-curricular Activities on the Academic Performances of the Students: A Case Study of the Islamia University of Bahawalpur, Pakistan*. Bulgarian Journal of Science and Education Policy. Volume 6:2. University of Bahawalpur, Pakistan.
- Nik Azis Nik Pa. 2003. *Penggunaan Teori dan Kerangka Teori Dalam Penyelidikan Matematik*. Universiti Malaya. Masalah Pendidikan. Jilid 26: 26-56

- Norazura Tukiran, Juliza Adira Mohd & Siti Hazwani Mohd Rozi. 2010. *Teori Kecerdasan Pelbagai Untuk Meningkatkan Penglibatan Aktif Pelajar Di Dalam Kelas*. Laporan Kajian Tindakan yang dibentangkan dalam Kolokium DPLI UKM di Puri Pujangga, UKM 6-7 Mei 2010
- Nor Suhara Bt Haji Fadzil. 2010. *Kepentingan Kokurikulum Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia. 8-10 November 2010. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norhannan Ramli & Jamaliah Abdul Hamid. 2006. *Gaya Kepimpinan Pengetua Wanita dan Hubungannya dengan Tahap Motivasi Guru Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan. 31: 53-69
- Othman Bin Ali. 1999. *Pengurusan dan Pelaksanaan Kokurikulum Sekolah Menengah yang Dilabelkan Terbaik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Hungler, B.P. 2001. *Essential of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization*. 5th Edition. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.
- Prusak, K. A., Treasure, D. C., Darst, P. W., & Pangrazi, R. P. (2004). *The Effects Of Choice On The Motivation Of Adolescent Girls In Physical Education*. Journal of Teaching in Physical Education. 23: 19–29.
- Ramlah Jantan & Mahani Razali. 2002. *Psikologi Pendidikan*. Pendekatan Kontemporeri. McGraw- Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ransdell, L. B., Oakland, D., & Taylor, A. 2003. *Increasing Physical Education Activity In Girls And Women: Lessons Learned From The DAMET Project*. Journal of Physical Education, Recreation & Dance.
- Robert J. Vallerand. 2007. *Intrinsic and Extrinsic Motivation in Sport and Physical Activity*. Motivation, Emotion and Psychology Journal. Pg 59-77
- Sabitha, M. 2007. *Dilema Wanita Kerjaya*. Utusan Malaysia. Bahagian Rencana. 6hb. Ogos. Hlm. 10.
- Sarah-Anne Munoz. 2009. *Children in The Outdoors: A Literature Review*. National Sustainable Development Centre. Scotland. Pg 21-22

- Sekaran, U. 1992. *Research Method for Business*. John Wiley & Sons, Inc: Southern Illinois.
- Sharifah Meriam Binti Syed Akil. 2007. *Cabaran Kepimpinan Kokurikulum*. Nov 14 2007. Port Dickson: Tiara Resort
- Sharifah Nadiya Syed Yahya Jamalullaill, Najmiah Hj. Abdullah dan Mohd Rizuan Mat. 2011. *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Subtopik Modul Design Dialogue –Satu Tinjauan Di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis*. Perlis: Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
- Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin,&Hafsa Mohamed Makki. 2008. *Faktor Kontribusi Kecerdasan Pelbagai Dalam Kalangan Pelajar Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Slavin, R.E. 1997. *Educational Psychology*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Syed Kamaruzaman B. Syed Ali. 2012. *Kekangan Wanita dalam Aktiviti Fizikal: Satu Ulasan Rujukan*. Universiti Malaya. Masalah Pendidikan. Jilid 27: 155
- Wong Huey Ling. 2007. *Tahap Penglibatan Pelajar di Sekolah Menengah Dalam Aktiviti Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pembentukan Daya Kepimpinan*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia
- Yahaya Buntat & Noor Sharliana Mat Nasir. 2011. *Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Journal of Educational Psychology and Counseling. Volume 2: Pages 175-208 .ISSN: 2231-735
- Yahya B. Buntat & Norervina Bte Jailani. 2006. *Penglibatan Pelajar Wanita Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Dalam Aktiviti Sukan Di UTM*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zahir Bashir. 2012. *The Effectiveness of Co-Curricular Activities on Academic Achievement of Secondary School Students in District Abbottabad Pakistan: A Case Study*. Developing Country Studies. Volume 2:2. University Islamabad Pakistan.